

11/07/2002

Afghanistan bukan boneka Amerika

KABUL, Rabu - Pimpinan Afghanistan menafikan dakwaan menjadi kerajaan boneka serta tunduk kepada kehendak Amerika Syarikat (AS), dalam usahanya membangunkan negara yang hancur akibat perang itu.

Pemangku Menteri Luar Afghanistan, Rahim Shirzai, berkata AS cuma membantu Afghanistan mempertahankan negaranya.

"AS membantu kita menghadapi negara jiran, Taliban, Al-Qaeda, pengganas dan kemiskinan. Bukankah itu semua masalah global," katanya kepada Berita Harian selepas menerima kunjungan Pengerusi Misi Keamanan Sejagat Malaysia (MKS), Ahmad Azam Abdul Rahman, di pejabatnya di sini petang semalam.

Rahim berkata, demikian ketika diminta mengulas dakwaan sesetengah pihak yang menyifatkan kerajaan Afghanistan adalah kerajaan boneka dan banyak dipengaruhi AS dalam membuat keputusan mentadbir negara itu.

Rahim berkata, bantuan AS amat diperlukan Afghanistan kerana rakyat negara itu baru hendak memulakan kehidupan.

"Kita terpaksa mengakui negara ini memiliki keupayaan terbatas. AS mahu membantu membina jalan, memasang sistem telekomunikasi dan bekalan elektrik. Apakah kita hendak menolak semua itu sedangkan kita tahu tidak mampu menyediakannya," katanya.

Rahim berkata, anggapan sesetengah pihak bahawa Afghanistan adalah kerajaan boneka silap kerana rakyat negara itu sendiri tahu siapa boneka.

Katanya, Afghanistan juga sedia menerima bantuan daripada mana-mana negara bagi membolehkan pembangunan semula dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Rahim berkata kerajaan Afghanistan menyanjung tinggi sokongan Malaysia terutamanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pelbagai isu membabitkan negara itu.

"Kita berterima kasih kepada Dr Mahathir dan berharap beliau dapat datang ke sini. Sesungguhnya Dr Mahathir amat diperlukan di sini," katanya.